



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

ANUGERAH LAMAN CANTIK PERBADANAN PUTRAJAYA

Putrajaya – Seramai 63 penduduk Putrajaya akan menerima Anugerah Laman Cantik 2009 dalam majlis tahunan yang diadakan buat kali ke enamnya oleh Perbadanan Putrajaya.

Anugerah yang diperkenalkan oleh Perbadanan Putrajaya mulai tahun 2002 ini akan disampaikan oleh Y. Bhg. Dato' Hj. Ahmad Phesal b. Hj. Talib, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dalam satu majlis yang meraikan pemenang-pemenang di Tapak Floria 2009.

Matlamat anugerah ini diadakan adalah untuk menggalakkan penyertaan dan penglibatan penduduk Putrajaya secara berterusan dalam menjaga dan mencantikkan kawasan kediaman masing-masing dengan pelbagai hiasan landskap yang menarik.

Pemeliharaan kecantikan kawasan kediaman terutamanya halaman rumah adalah cukup penting untuk mewujudkan keseimbangan, keserataan atau keindahan menyeluruh kawasan Putrajaya. Keindahan perkarangan kediaman juga melambangkan penerimaan serta dukungan penduduk dalam merealisasikan konsep pembangunan Putrajaya sebagai Bandar dalam Taman dan Bandar Bestari. Sehubungan itu, program ini dipupuk dengan tema Bersama Mengindahkan Putrajaya.

Penilaian anugerah pada tahun ini berlangsung dari Januari 2009 hingga Julai 2009 dan sebanyak 285 rumah telah dikenalpasti untuk dinilai

Penilaian anugerah pada tahun ini berlangsung dari Januari 2009 hingga Julai 2009 dan sebanyak 285 rumah telah dikenalpasti untuk dinilai diperingkat awal. Dari jumlah itu sebanyak 114 buah rumah dari pelbagai kategori telah berjaya ke peringkat akhir.

Anugerah-anugerah yang dimenangi adalah untuk Kategori Kwarters dan Kategori Persendirian bagi rumah kediaman bertanah (*landed property*).



ZAHARAH SALAMAT
Timbalan Pengarah Perhubungan Awam
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 05 Ogos 2009

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA
- Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013